

07 SEP 1996

Mahathir - Singapura

MALAYSIA BUKAN HANTU UNTUK TAKUTKAN RAKYAT SINGAPURA

JOHOR BAHRU, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Singapura tidak sepatutnya menjadikan Malaysia sebagai alat untuk menakut-nakutkan rakyatnya dengan apa tujuan sekalipun, termasuk kemungkinan untuk mengukuhkan kedudukan parti yang memerintah republik itu.

Perdana Menteri berkata kenyataan pemimpin republik itu boleh disifatkan sebagai merujuk Malaysia sebagai "hantu" yang terpaksa mereka hadapi jika rakyat Singapura tidak bekerja keras atau tidak mengundi parti yang memerintah.

"Macam orang tua-tua bagi takut budak-budak, bila senja kala dia kata bobok mai (hantu datang) cepat lari masuk rumah.

"Kita ni jadi hantu nak bagi takut (rakyatnya) supaya barangkali (kalau tak) undi parti (dia), apakah," katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan University-Industry Technology Advancement Programme (UNITAP) Universiti Teknologi Malaysia di Skudai dekat sini.

Malam tadi, Majlis Tertinggi Umno merakamkan rasa amat tersinggung terhadap kenyataan Singapura yang mendakwa meritokrasi dan keharmonian kaum tidak wujud di Malaysia.

Isu mengenai kemungkinan Singapura menyertai semula Malaysia dibangkitkan pada 7 Jun lepas oleh bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew, dengan berkata republik itu mesti menjadi lebih kukuh, lebih tersusun dan berdaya saing sekiranya tidak mahu bercantum semula dengan Malaysia. Jika ingin bercantum juga, ia mestilah atas dasar meritokrasi.

Dr Mahathir berkata pemimpin republik itu tidak sepatutnya membandingkan Malaysia dengan Singapura sebegitu rupa seolah-olah Malaysia tidak sebaik mereka.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menghantar bantahan rasmi kepada Singapura sebagai susulan daripada rasa tersinggung yang dirakamkan oleh Umno itu, beliau berkata buat masa ini tindakan itu tidak perlu.

Mengenai kemungkinan Singapura pula membuat tindak balas berikutan pendirian Umno itu, Dr Mahathir berkata : "Bukan kita yang mula, dia yang mula. Adakah patut dibuat comparison (perbandingan) macam itu."

Perdana Menteri berkata Singapura tidak mengamalkan meritokrasi kerana penindasan terhadap orang Melayu di republik itu amat nyata.

Katanya maklumat yang beliau terima menunjukkan tiada orang Melayu republik itu yang layak menjadi juruterbang Tentera Udara Singapura (SAF) atau pegawai kanan kerajaan.

"Saya tidak percaya orang Melayu Singapura begitu bodoh. Saya mungkin silap tapi itulah maklumat yang saya terima," katanya.

Ketika ditanya bilakah isu percantuman Singapura-Malaysia itu akan selesai kerana kedua-dua negara masih terus membuat kenyataan, Perdana Menteri berkata : "Dia buat kenyataan, kita buat kenyataanlah".

Mengenai tindakan pesawat-pesawat pejuang SAF yang kerap mencero bohi ruang udara Malaysia walaupun sudah berkali-kali diberi amaran, Dr Mahathir berkata : "Jika dia tak endah, kita tak benar (terbang di ruang udara Malaysia)".

Isu pesawat SAF mencero bohi ruang udara Malaysia sudah berkali-kali dibangkitkan oleh penduduk Johor kerana pesawatnya kerap kali terbang rendah sehingga mengganggu ketenteraman dan mengancam keselamatan mereka. --

BERNAMA

AH MAI